BEAMOTIL TABLET

Diphenoxylate Hydrochloride / Atropine Sulfate (2.5mg / 0.025mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Beamotil
2. Bagaimana Beamotil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Beamotil
4. Cara menggunakan Beamotil
5. Semasa menggunakan Beamotil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Beamotil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Beamotil

Ubat ini digunakan sebagai terapi tambahan untuk merawat gejala cirit-birit .

Beamotil juga boleh digunakan untuk mengurangkan kekerapan dan kelembutan najis pada orang dengan *colostomies* atau *ileostomies* (sebahagian daripada usus anda dikeluarkan menyebabkan anda untuk menggunakan beg luaran).

Bagaimana Beamotil berfungsi

Beamotil mengandungi diphenoxylate hydrochloride dan atropine sulfate bersama-sama dengan bahan-bahan lain. Diphenoxylate mengurangkan cirit-birit dengan memperlahankan pergerakan usus.

Kerana diphenoxylate boleh disalahgunakan dengan mengambil dalam dos yang lebih tinggi daripada yang ditetapkan, ini boleh menyebabkan kesan yang tidak menyenangkan.

Jadi, sejumlah kecil atropine sulfate disertakan untuk mengurangkan penyalahgunaan.

Sebelum menggunakan Beamotil

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan mengambil ubat ini jika anda:

- mempunyai alahan terhadap diphenoxylate atau atropine atau mana-mana bahan-bahan tablet disenaraikan di akhir risalah ini
- mempunyai reaksi alahan, (anda boleh mendapat ruam kulit, kesukaran bernafas, demam alergi atau rasa hendak pitam)
- menghidapi penyakit jaundis (kekuningan pada kulit dan putih mata)
- mempunyai cirit-birit disebabkan oleh *pseudomembranous colitis* (jangkitan usus yang serius) yang mungkin berlaku semasa atau sehingga beberapa minggu selepas rawatan antibiotik
- menghidapi penyakit keradangan usus seperti *colitis*.
- sedang menyusukan bayi

Anda perlu menggunakan pemakanan alternatif bayi semasa anda mengambil Beamotil.

Beamotil boleh meresap ke susu ibu, jadi jika anda mengambil Beamotil semasa menyusu, bayi anda mungkin boleh dapat kesan daripadanya.

Kajian dalam haiwan tidak menunjukkan diphenoxylate dan atropine adalah teratogenik (ganggu perkembangan janin).

Tetapi, risiko-manfaat harus dipertimbangkan kerana kajian dalam haiwan telah menunjukkan diphenoxylate boleh mengurangkan kadar peningkatan berat badan ibu ketika mengandung dan kesuburan.

Beamotil tidak disyorkan untuk kanak-kanak kurang daripada 6 tahun.

Jangan mengambil Beamotil selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda bungkusan terkoyak atau dibuka. Jika ubat ini sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- *Sebelum menggunakan Beamotil*

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau anda menyusukan bayi. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Perencatan pergerakan otot di esofagus atau saluran penghadaman yang disebabkan oleh ubat boleh mengakibatkan penahanan bendalir di dalam usus.

Ini boleh memburukkan dan menyembunyikan dehidrasi dan kekurangan elektrolit, terutamanya pada kanak-kanak.

Atropine boleh memburukkan lagi keadaan seperti:

- glaukoma sudut tertutup akut (peningkatan tekanan di mata)
- refluks esofagus yang berkaitan dengan pengaliran terbalik dari perut ke rongga dada
- tekanan darah tinggi
- keadaan yang berciri kadar jantung meningkat seperti kelenjar tiroid yang terlalu aktif, kegagalan jantung dan pembedahan jantung di mana ia boleh mempercepatkan kadar degupan jantung dengan lebih teruk
- pembesaran prostat, penyempitan uretra atau pengekalan kencing
- mengurangkan kekuatan otot usus orang tua atau orang yang lemah dan *myasthenia gravis* (kelemahan otot).

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang masalah kesihatan berikut:

- penyakit hati
- penyakit buah pinggang
- cirit-birit disebabkan oleh keracunan
- disentri akut yang berciri najis berdarah dan suhu tinggi
- halangan perut dan usus
- penyakit tiroid kurang aktif
- penyakit pernafasan
- kehilangan kawalan pundi kencing akibat daripada sembelit

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahu sebelum anda mula mengambil Beamotil.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat-ubatan dan Beamotil boleh mengganggu satu sama lain.

- Antidepresan - ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan seperti tricyclic antidepressant, dan perencat monoamine oxidase (MAOI)
- Barbiturat - ubat-ubatan digunakan untuk merawat epilepsi dan untuk bantu anda tidur
- Sesetengah antihistamina - ubat yang digunakan untuk alahan

Ubat-ubatan lain yang tidak disenaraikan di atas juga boleh berinteraksi dengan Beamotil .

Doktor dan ahli farmasi mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat-ubatan yang anda perlu berhati-hati atau elakkan semasa mengambil ubat ini.

Cara menggunakan Beamotil

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Dos Beamotil bergantung kepada keadaan yang dirawat.

Dewasa:
Dos permulaan yang disarankan ialah 2 biji setiap 3 - 4 jam sehari.

Dos pengekalan: 2 biji sekali sehari seperti yang diperlukan.

Jangan ambil lebih daripada 8 biji dalam tempoh 24 jam.

Kanak-kanak:
Kanak-kanak di bawah 6 tahun:
Penggunaan tidak digalakkan.

Kanak-kanak 6 - 9 tahun:
1 biji 3 kali sehari

Kanak-kanak 9 - 12 tahun:
1 biji 4 kali sehari

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti dos yang betul untuk anda. Doktor anda akan memberitahu anda jumlah ubat yang perlu diambil.

- *Bila perlu digunakan*

Ambil ubat dengan makanan jika kerengsaan perut dan usus berlaku.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan mengambil Beamotil selagi diarahkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Anda harus mengambil ubat ini seperti yang dinasihatkan dan mengikut arahan yang diberi dengan teliti.

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos tersebut selepas episod cirit-birit yang berikutnya.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Mengambil terlalu banyak ubat ini boleh menyebabkan penglihatan menjadi kabur, kesukaran menelan atau bernafas.
Simptom-simptom lain termasuk:

- sembelit
- sangat mengantuk
- koma
- mudah marah
- sawan

- halusinasi (dengar, bau, atau rasa perkara yang tidak wujud)
- kulit kemerahan
- kegelisahan
- kadar denyutan jantung yang rendah diikuti dengan denyutan yang tinggi
- kulit, mulut, hidung dan tekak terasa sangat kering

Hubungi doktor anda untuk dapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera jika anda rasa anda atau sesiapa sahaja mungkin terambil berlebihan Beamotil.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Beamotil

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Minum banyak cecair, seperti larutan rehidrasi oral. Meminum banyak cecair akan memastikan anda tidak mengalami dehidrasi (kehilangan terlalu banyak cecair dalam badan). Jika anda mengalami dehidrasi yang teruk, anda perlu berjumpa doktor anda untuk membetulkan keadaan ini, sebelum mengambil Beamotil.

Hubungi doktor anda jika cirit-birit tidak terkawal dalam masa 48 jam dan/atau jika demam.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan minum alkohol. Minum arak boleh membuat cirit-birit anda lebih teruk.

Jangan mengambil Beamotil untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana Beamotil mempengaruhi anda.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Ini adalah kesan sampingan Beamotil:

- kesan antikolinergik ringan (penglihatan kabur, kesukaran membuang air kecil, kekeringan kulit dan mulut, demam)
- penekanan sistem saraf pusat (pening atau mengantuk, kemurungan mental, kegelisahan)
- Euforia (perasaan atau keadaan kegembiraan berlebihan dan kebahagiaan)
- sakit kepala
- kekeliruan
- kebas tangan dan kaki
- tindak balas hipersensitif

Jika mana-mana kesan sampingan tidak hilang semasa rawatan dan merupakan masalah untuk anda, atau jika anda mendapat apa-apa masalah kesihatan semasa mengambil Beamotil, beritahu doktor anda.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda rasa tidak sihat semasa pengambilan Beamotil.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.moh.gov.my (*Consumers → Reporting → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI))*

Cara penyimpanan dan pelupusan Beamotil

- *Penyimpanan*

Simpan ubat anda di tempat kering dibawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Beamotil atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- *Pelupusan*

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Beamotil atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Tablet berwarna putih, berukuran 5.5mm diameter, berbentuk bulat and cembung.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif:
- Diphenoxylate Hydrochloride
- Atropine Sulfate

- Bahan tidak aktif:
- Corn starch
- Lactose monohydrate
- Magnesium stearate
- Microcrystalline cellulose

- *Nombor MAL*
  MAL19871646AZ

Pengilang

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn. Bhd.
Lot No. 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma Manufacturing (Bangi) Sdn. Bhd.
Lot No. 2, 4, 6, 8 &10, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP
08/05/2019

Nombor Siri
NPRA(R4/1)191217/00365